

**Parlimen: Tokoh Korporat Dalam Panel Penasihat Bebas Sistem Pendidikan Negara
Bernama
26 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pelantikan beberapa tokoh korporat sebagai anggota panel penasihat bebas sistem pendidikan negara dibuat untuk memastikan kebolehpasaran produk yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Wee Ka Siong berkata pelantikan panel bebas yang terdiri daripada pelbagai latar belakang itu dibuat bukan semata-mata dari perspektif pendidikan, sebaliknya bagi membolehkan kementerian mengadunkan idea serta pandangan yang berbeza.

Beliau berkata walaupun terdapat beberapa anggota panel terbabit yang dianggap kontroversi, namun segala idea yang dijana akan dibawa ke Kabinet terlebih dahulu sebelum 'roadmap' mengenai sistem pendidikan kebangsaan dirangka.

"Kita terpaksa pisahkan pengoperasian perniagaan dengan peranan mereka sebagai ahli panel bebas untuk melengkapkan kajian ini," katanya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2012 pada peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pelajaran.

Beliau berkata Kementerian Pelajaran telah melantik sebuah panel penilai bebas dari Malaysia dan antarabangsa untuk memberi perakuan serta maklum balas terhadap fasa pertama laporan penilaian semula sistem pendidikan negara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676072>